



KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera

UJIAN SARINGAN COVID-19 PEKERJA PEMBINAAN WARGA ASING MELALUI PROGRAM SARINGAN PRIHATIN (PSP) PERKESO

700 pekerja binaan warga asing hadir untuk ujian saringan COVID-19 melalui Program Saringan Prihatin (PSP) PERKESO di Pusat Konvensyen CIDB, Cheras

KUALA LUMPUR, 5 Julai 2020 – Lebih 13,000 pekerja warga asing di dalam sektor pembinaan telah menjalani ujian saringan COVID-19 melalui Program Saringan Prihatin (PSP) PERKESO sejak mula dilaksanakan pada 27 April 2020 yang lalu.

Selaras dengan arahan kerajaan bagi memberi saringan secara bersasar, Program Saringan Prihatin (PSP) PERKESO telah menjalankan ujian saringan COVID-19 kepada pekerja asing di sektor pembinaan dan perkhidmatan kawalan keselamatan di Selangor dan Kuala Lumpur bagi memutuskan rantaian wabak Covid-19.

Sehingga kini, seramai 33,613 orang pekerja warga asing meliputi pelbagai sektor telah menjalani ujian saringan Covid-19 dan daripada jumlah itu, 40% adalah dari sektor pembinaan. Bagi menggalakkan lebih ramai kontraktor menghantar pekerja warga asing mereka untuk menjalani ujian saringan COVID-19, CIDB telah bekerjasama dengan PERKESO untuk mengadakan satu sesi ujian saringan COVID-19 secara berkelompok bagi membolehkan kontraktor di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta negeri Selangor untuk menghantar pekerja mereka bagi menjalani ujian saringan tersebut. Inisiatif ini berjaya menarik penyertaan daripada 700 pekerja warga asing dari 59 syarikat kontraktor untuk menjalani ujian tersebut di Pusat Konvensyen CIDB, di sini, hari ini.

Bermula 1 Jun 2020, skop PSP PERKESO telah diperluaskan melalui subsidi saringan sehingga RM150 bagi satu saringan kepada majikan bagi memastikan lebih banyak penyedia perkhidmatan saringan Covid-19 kepada pekerja. Majikan boleh menjalankan ujian saringan kepada pekerja yang layak di mana-mana klinik/hospital yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Bagi pekerja yang masih belum mencarum dengan PERKESO, mereka boleh mendaftar sebagai pencarum sebelum menjalani ujian saringan tersebut. Untuk sebarang pertanyaan lanjut berkenaan PSP PERKESO, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan PERKESO di **03-42645089 / 03-42645555 /1-300-22-8000** atau kemukakan pertanyaan melalui emel ke hsp@perkeso.gov.my.

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menggesa semua kontraktor di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, serta negeri Selangor, untuk tampil menghantar semua pekerja warga asing untuk mendapatkan ujian saringan COVID-19 melalui program PSP PERKESO.

#####

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
